

AKHLAK DAN FALSAFAH AKHLAK : KESAN KEPADA TADBIR URUS ORGANISASI

Dr. Mohd Fuad bin Mohd Salleh

E-mel : fuadsalleh@yahoo.com

Ahli Lembaga Pengarah Sekolah Integrasi Tahfiz Ilmuwan & Ahli Lembaga KUIZM

Akhlak berasal daripada kata *jama'* perkataan (*al-khuluqu*) yang bermaksud tabiat, kelakuan, perangai, tingkahlaku atau adat kebiasaan. Perkataan (*al-khulq*) ini di dalam Al-Quran hanya terdapat pada dua tempat sahaja, salah satunya ialah :

Firman Allah S.W.T :

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ۚ

Maksudnya :

Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia

Al-Qalam

Al-Qalam 68 : 4

Sementara perkataan (*al-khalqu*) bererti kejadian, ciptaan dan juga bermaksud kejadian yang indah dan baik. Apabila dirujuk kepada kejadian manusia, ia bermaksud struktur tubuh badan yang indah dan seimbang. Jika dirujuk kepada kejadian alam semesta, ia juga membawa erti kejadian atau ciptaan yang indah, tersusun rapi, menurut undang-undang yang tepat. Terdapat 52 perkataan (*al-khalqu*) yang merujuk kepada kejadian manusia, alam sejagat dan lain-lain kejadian di dalam Al-Quran.

Antara definisi akhlak menurut istilah ialah sifat yang tertanam di dalam diri yang dapat mengeluarkan sesuatu perbuatan dengan senang dan mudah tanpa pemikiran, penelitian dan paksaan. Ibn Miskawaih, ahli falsafah Islam yang terkenal mentakrifkan akhlak itu sebagai keadaan jiwa yang mendorong ke arah melahirkan perbuatan tanpa pemikiran dan penelitian. Menurut Imam al-Ghazali akhlak ialah suatu keadaan yang tertanam di dalam jiwa yang menampilkan perbuatan-perbuatan dengan senang tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian. Ringkasnya, akhlak

merujuk kepada tabiat semulajadi yang dimiliki oleh seseorang. Apabila perbuatan yang terkeluar itu baik dan terpuji menurut *syara'* dan akal, perbuatan itu dinamakan akhlak yang mulia. Sebaliknya apabila terkeluar perbuatan yang buruk, ia dinamakan akhlak yang buruk. Meskipun demikian, penggunaan perkataan tidak berakhlak lebih disarankan apabila merujuk kepada perbuatan yang bertentangan dengan nilai baik.

Hubungan manusia dengan Pencipta bukan saja mencakupi masalah akidah dan ibadat, tetapi juga merangkumi akhlak. Ia memberi pengertian hadirnya perasaan manusia terhadap pengawasan Allah S.W.T dalam setiap perbuatan dan tingkah laku sesama manusia. Sentuhan akhlak terpuji akan mewujudkan suasana aman dan memberi ruang memperbaiki potensi manusia serta menambah produktiviti.

Hari ini kita menyaksikan akhlak semakin direndahkan dalam pendidikan jati diri oleh sebahagian masyarakat. Kita juga dapat melihat sifat jujur dan amanah semakin dipinggirkan sehingga mengakibatkan kejahatan seperti penipuan, rasuah dan salah guna kuasa. Media banyak memaparkan laporan berita keruntuhan akhlak daripada remaja hingga dewasa dan keruntuhan akhlak dalam kalangan peniaga, pegawai awam dan swasta. Laporan Ketua Audit Negara juga mendedahkan kepada kita betapa banyaknya penyelewengan dalam pengurusan organisasi dalam negara kita. Inilah akibat luntarnya adab kesopanan dan tatasusila apabila jiwa insan tidak disuntik pendidikan akhlak walaupun memiliki kelulusan akademik tinggi.

Skop Dan Ruang Lingkup Akhlak Dalam Islam

Ada dua nilai yang menentukan perbuatan manusia iaitu nilai baik dan buruk (*good and bad*) serta betul dan salah (*true and false*). Penilaian ini berlaku dalam semua lapangan kehidupan manusia. Apakah yang dimaksudkan dengan baik dan buruk, betul dan salah, benar dan palsu itu? Apakah kayu ukur yang menentukan sesuatu perbuatan itu baik atau buruk, betul atau salah, benar atau palsu? Persoalan-persoalan inilah yang akan dijawab oleh ilmu akhlak. Menurut pendapat Miskawayh dan Imam al-Ghazali dan lain-lain moralis Islam yang terbilang, persoalan ini dapat dikenalpasti melalui dua kriteria pengukur iaitu :

- i. Syariat

Setiap suruhan syariat adalah akhlak yang baik, manakala semua larangan syariat pula adalah akhlak yang buruk. Beriman kepada Allah, berpuasa, mengeluarkan zakat, sembahyang, bercakap benar, taat, adil, sabar, jujur, menepati janji, amanah, bersih, rajin, bertanggungjawab dan sebagainya adalah perbuatan baik dan berakhlak. mulia kerana disuruh oleh syariat. Manakala kufur, tidak puasa, tidak sembahyang, judi, zina, dadah, arak, berbohong, angkuh, dengki, riak, menipu, mencuri, merompak, rasuah, mencaci, mengumpat, memfitnah, buruk sangka dan sebagainya pula adalah akhlak yang buruk kerana semua perbuatan tersebut ditegah oleh syariat.

ii. Akal

Perbuatan yang diterima sebagai baik oleh akal manusia sekalipun tidak dijelaskan secara terperinci oleh syariat Islam juga adalah baik. Contohnya berdisiplin di jalan raya, pejabat, pasar, di khalayak ramai dan sebagainya; menjaga kemudahan awam seperti telefon, tandas, hospital, sekolah, bangunan dan kenderaan kerajaan; bekerja mengikut waktu dan tugas yang ditentukan dalam pelbagai profesion termasuk polis, tentera, kastam, guru, hakim, peguam, dan lain-lain; membasmi kemiskinan golongan petani, nelayan, buruh dan lain-lain; menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat; menentang kejahatan dan maksiat melalui pendidikan seperti mendirikan sekolah, kolej dan universiti, memberi biasiswa kepada para pelajar dan sebagainya.

Apa sahaja perbuatan yang bertentangan dengan semua yang disebutkan tadi adalah kejahatan kerana perkara-perkara tersebut dianggap tidak baik oleh setiap akal yang waras, sekalipun tidak dijelaskan secara terperinci oleh syariat Islam. Firman Allah S.W.T :

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١٠٤

Maksudnya :

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Ali Imraan 3 : 104

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ
وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ۝ ۱۱۰

Maksudnya :

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik.

Ali Imraan 3 : 110

Ayat-ayat tersebut mengiktiraf umat Islam sebagai komuniti terbaik dalam kalangan umat manusia seluruhnya kerana mereka terkenal sebagai golongan yang mempertahankan perkara-perkara *makruf* dan mencegah daripada perbuatan *mungkar* atau perbuatan yang tidak disukai dan dianggap buruk oleh akal yang rasional, sekalipun tidak disebut secara terperinci oleh syariat Islam.

Falsafah Akhlak

Berfalsafah ialah mencari kebenaran dari kebenaran untuk kebenaran, tentang segala sesuatu yang dimasalahkan, dengan berfikir secara radikal, sistematik dan sejagat. Oleh kerana itu selain daripada memahami makna akhlak, satu lagi perkara penting dalam mengatur diri menjadi manusia yang mahu mengejar matlamat ialah memahami falsafah akhlak. Apa yang dimaksudkan dengan falsafah akhlak dalam Islam ialah pencarian kebenaran melalui teori, teknik dan proses menjana pelbagai fakulti jiwa seperti rasional, marah dan syahwat supaya beroperasi dengan baik dan harmoni. Ringkasnya, falsafah akhlak merujuk kepada kajian ilmu yang dapat menempa suatu disposisi, suatu hal atau situasi yang baik dan mantap dalam jiwa seseorang. Disposisi tersebut akan mendesak seseorang menyebelahi kebenaran dan sekali gus merealisasikannya menerusi perbuatan-perbuatan lahiriah yang baik dan berkualiti. Akhlak yang benar akan memandu manusia dengan ilmu untuk melakukan apa sahaja yang baik dan tidak bertentangan dengan nilai dan ajaran agama serta akal yang waras.

Tadbir Urus Organisasi

Tadbir urus ialah suatu konsep yang sebenarnya telah lama muncul dalam sejarah ketamadunan manusia, namun hanya mula digunakan dengan maksud teknikal pasca-1989 oleh Bank Negara, selanjutnya membawa kepada peristilahan baharu dalam wacana politik dan kenegaraan, malah juga dalam domain sains sosial dan kemasyarakatan. Tadbir urus adalah suatu proses membuat keputusan, bukan sekadar dalam konteks pentadbiran negara semata-mata, tadbir urus juga terpakai dalam beberapa konteks lain seperti tadbir urus korporat, tadbir urus antarabangsa, tadbir urus nasional dan tadbir urus tempatan.

United Nations Development Programme (UNDP) mendefinisikan tadbir urus sebagai pelaksanaan wibawa ekonomi, politik dan pentadbiran untuk menguruskan hal ehwal sesebuah negara dalam setiap peringkat. Sementara International Monetary Fund (IMF) pula mendefinisikan tadbir urus sebagai satu proses yang melibatkan pelaksanaan hal ehwal awam dan pengurusan sumber awam oleh institusi awam.

Tadbir urus yang baik atau *good governance* ialah suatu elemen yang tidak mungkin dapat dielakkan oleh mana-mana organisasi, negara, mahupun pertubuhan

masyarakat sivil yang benar-benar ingin mencapai matlamat organisasinya. Falsafah utama di sebalik tadbir urus yang baik ialah matlamat yang murni dalam menyebarkan kebaikan dan keseimbangan dalam masyarakat bagi mengelakkan gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa, dan penindasan kelompok minoriti di samping menegakkan keadilan dan hak setiap individu yang menyertai sesebuah masyarakat. Tadbir urus akan menemui kebuntuan untuk dilaksanakan atas sebab amalan rasuah, kronisme dan nepotisme yang masih banyak berlaku di merata tempat. Akibat kegagalan tadbir urus yang baik ialah kemakmuran tidak dapat dikecapi secara bersama oleh rakyat jelata.

Lapan Ciri Tadbir Urus Yang Baik Model UNDP

United Nations Development Programme (UNDP) adalah salah satu organisasi antarabangsa yang berusaha mempromosikan idea tadbir urus yang baik sebagai agenda kesejahteraan global. UNDP membangunkan lapan ciri penting sebagai panduan untuk mencapai tadbir urus yang baik melalui pendekatan pragmatik dan praktikal, yang dijangka mampu memacu organisasi mencapai matlamat dengan cara terbaik selaras dengan nilai-nilai positif insani yang universal. Lapan ciri tadbir urus yang baik sebagaimana digariskan oleh UNDP ialah :

- a) Penyertaan (*participatory*)
- b) Orientasi kesepakatan (*consensus oriented*)
- c) Kebertanggungjawaban (*accountability*)
- d) Ketelusan (*transparency*)
- e) Responsif/penerimaan (*responsive*)
- f) Berkesan dan cekap (*effective and efficient*)
- g) Saksama dan terangkum (*equitable and inclusive*) dan
- h) Menuruti lunas hukum/perundangan (*follows the rule of law*).

Lapan ciri ini perlu diolah berdasarkan acuan Islam kerana tadbir urus bercirikan Islam menekankan makna akauntabiliti bukan hanya bersifat *horizontal* (sesama manusia) namun juga bersifat *vertikal* (pertanggungjawaban kepada Tuhan). Makna ini menunjukkan akauntabiliti pelaksanaan tadbir urus bercirikan Islam merangkumi cakupan yang lebih luas. Pasukan pengurusan organisasi atau institusi yang

menjalankan pentadbiran menanggapi tadbir urus sebagai suatu amanah berteraskan nilai-nilai Islam yang dikenali sebagai *Ubudiyah* (penghambaan kepada Maha Pencipta), *Mas'uliah* (Pertanggungjawaban) dan *Itqan* (kehematan dan berpengetahuan) atau ringkasnya UMI yang didalamnya terangkum Ikhlas (keikhlasan) dan Amanah (kejujuran).

Kesan Akhlak Kepada Tadbir Urus

Lapan ciri utama tadbir urus di atas tidak langsung bertentangan malah seiring dengan ciri-ciri akhlak yang jika diamalkan akan membawa organisasi menjadi sebuah organisasi berakhlak yang mencapai matlamat berakhlak serta memenuhi falsafah akhlak. Secara jelas ia merupakan ilmu yang dapat menempa suatu disposisi, suatu hal atau situasi yang baik dan mantap dalam sesebuah organisasi. Hasil daripada amalan tadbir urus baik ini ialah kemakmuran akan dapat dikecapi secara bersama oleh rakyat jelata.

Apabila pentadbir memahami falsafah akhlak dengan gabungan tadbir urus baik akan mewujudkan suasana aman dan memberi ruang memperbaiki potensi manusia serta menambah produktiviti kerana tadbir urus mempunyai matlamat yang murni iaitu menyebarkan kebaikan dan keseimbangan dalam masyarakat yang akhirnya akan menghasilkan kemakmuran yang dikecapi secara bersama oleh rakyat jelata. Inilah kesan akhlak kepada tadbir urus yang dilekatkan bersama dengan makna akhlak Islam kerana urusan tadbir urus bukan hanya mencakupi urusan secara *horizontal* (sesama manusia) sahaja tetapi juga bersifat *vertikal* iaitu pertanggungjawab dengan Yang Maha Pencipta. Kefahaman inilah yang lebih menjamin ketelusan dan ketulusan dalam melaksanakan tadbir urus organisasi.

Kesimpulan

Kesan akhlak dalam tadbir urus amat jelas dan mudah dikesan oleh setiap anggota organisasi. Dalam konteks negara kita Malaysia, apabila Laporan Audit dikeluarkan, organisasi yang mengamalkan tadbir urus baik dan stafnya berakhlak tidak akan tersenarai dalam teguran audit malah lebih jauh lagi akan mendapat pengiktirafan melalui sijil tadbir urus cemerlang yang dikeluarkan oleh mana-mana badan

berautoriti. Namun organisasi yang meninggalkan akhlak dalam tadbir urusnya akan ditegur oleh Ketua Audit Negara dalam laporannya.

Organisasi yang tidak menerima teguran perlu kekal cemerlang kerana ia bukan bermakna tadbir urusnya sudah sempurna. Masih ada ruang untuk penambahbaikan yang perlu diusahakan secara berjamaah. Pentadbir dan setiap anggota organisasi perlu mengekalkan tadbir urus baik malah berusaha meningkatkan tadbir urus baik itu sebagaimana sabda Nabi Muhammad s.a.w. :

Sesungguhnya orang yang paling berjaya ialah orang yang hari ini lebih baik daripada semalam dan orang yang gagal adalah orang yang hari ini lebih teruk daripada semalam, manakala orang yang terpedaya adalah orang yang hari ini sama dengan hari semalam.

Riwayat Bukhari dan Muslim

Rujukan

- Ahmad Zayyadi (2017). Good Governance Dalam Perspektif Hukum Islam Kontemporer (Tinjauan Usul Fikih dari Teori Peningkatan Norma). *Jurnal al-Manahij*, Vol. XI No. 1, Juni 2017. 1-22. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta [AIPTS, Akta 555]. (2013). (Malaysia).
- Aziuddin Ahmad. (2010). Administration and Management in Islamic Education: Good Governance. Paper presented at the 1st. International Conference on Islamic Education (ICiED), Malaysia Berita Harian. (2012). Teks Ucapan Bajet 2013. Retrieved from <http://www.bharian.com.my>
- Alhabshi, S.O., Syed Agil, S.O., Nik Hassan, N. M. & Ghazali, A. (1998). *Islamic Management for Excellence: Revitalizing People for the Future*. Institut Perkembangan Minda. Kuala Lumpur
- Intan Fadzliana Ahmad dan Mohd. Izham Mohd. Hamzah. (2014). Tadbir Urus Korporat lawan Tadbir Urus Insan: Kekeliruan Peranan Pentadbir Institusi Pengajian Tinggi Islam terhadap Peranan Universiti. *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 1, 84-96
- Mohd. Nasir Omar (1986). *Falsafah Etika*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Muhammad Haffiz Muhammad Isa dan Hairunnizam Wahid (2017). Peranan Institusi Pengajian Tinggi dalam Pembangunan Pendidikan Asnaf Mualaf: Kajian Kes Kolej Dar al-Hikmah. Dlm. *Memperkasa Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.
- Sidi Gazalba (1974). *Sistematika Filsafat: Pengantar Kepada Dunia Filsafat, Teori Pengetahuan, Metafika, Teori Nilai*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Berhad.
- Tatang Hidayat, Syahidin, Ahmad Syamsu Rizal (2019). Prinsip Dasar Falsafah Akhlak Omar Mohammad Al-Toumy Al-Syaibany dan Implikasinya dalam Pendidikan di Indonesia. *Jurnal Kajian Peradaban Islam*. JKPIs, Vol. 2, No. 1, 2019. Pages 10 –17.
- United Nations Development Programme (UNDP) (1997). *Governance for Sustainable Human Development*. New York: UNDP.
- Yap Kioe Sheng (2019). What is Good Governance? United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific. <https://www.unescap.org/sites/default/files/good-governance.pdf>.